

# Tukar pandangan kaedah pengurusan

Kuipsas adakan kunjungan hormat ke JLKN, MTAQSA

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN - Bagi mempelajari dan berkongsi pengalaman dengan pihak lain dalam mengendalikan hal ehwal perhubungan korporat dalam organisasi, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (Kuipsas) mengadakan kunjungan hormat di dua agensi di Lembah Klang.

Dua agensi itu ialah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) di Kuala Lumpur dan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat (MTAQSA), Shah Alam.

Penolong Pendaftar Jabatan Perhubungan Korporat Kuipsas, Muhammad Hisyamudin Baharudin berkata, kunjungan tersebut merupakan adalah satu aktiviti dalam lawatan penanda aras jabatannya untuk memantapkan lagi sistem penyampaian dan perkhidmatan Kuipsas.

Menurutnya, ia juga bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan mengenai

kaedah pengurusan aduan pelanggan, penampilan di media sosial dan elektronik.

"Selain itu, teknik galeri, arkib, penerbitan korporat, garisan panduan imej korporat serta engagement di media sosial turut dibincangkan.

"Ini semua bagi menambah baik kaedah dan pengurusan Kuipsas ke arah yang lebih baik menerusi perkongsian dengan agensi terpilih," katanya.

Muhammad Hisyamudin berkata, seramai lima delegasi Kuipsas ke dua lokasi terbabit minggu lalu.

Sebelum itu, katanya, mereka melakukan lawatan penanda aras ke Unit Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Bahagian Komunikasi Korporat dan Bahagian Penjenamaan Korporat UniRazak, Kuala Lumpur.

"Seterusnya, delegasi Kuipsas yang diketuai Muhammad Hisyamudin terus berkunjung ke JLKN dan kunjungan



Muhammad Hisyamudin (dua, kiri) menyampaikan cendera hati kepada Kaishuna ketika melawat agensi terbabit.



Pelajar MTAQSA mendengar taklimat yang disampaikan Muhammad Hisyamudin (kanan) pada kunjungan tersebut.



Muhammad Hisyamudin menyampaikan cenderamata kepada Muhammad Bokhari atas kesudian menerima kunjungan delegasi Kuipsas ke MTAQSA.



Lima delegasi Kuipsas bersama kakitangan JLKN.



Bersama pelajar MTAQSA.

Info

Tambah baik kaedah, pengurusan Kuipsas menerusi perkongsian dengan agensi terpilih

tersebut disambut Pengarah Komunikasi Korporatnya, Kaishune Surang dan ke MTAQSA dengan menemui pengetuanya, Mohammad Bokhari Shariff," katanya di sini, semalam.

Sepanjang dua jam pertemuan itu, Muhammad Hisyamudin berkata, Kaishune turut menerangkan fungsi JLKN yang mengendalikan program Latihan Khidmat

Negara (PLKN) 2.0 selepas menjalani proses transformasi.

"Kita juga dimaklumkan JLKN sentiasa komited untuk menyediakan program latihan yang relevan kepada remaja lepasan sekolah serta memberi laluan kepada mereka untuk memilih institusi pendidikan bagi menyambung pengajian dalam bidang kemahiran kepada pelatih," katanya.

Pada sesi pertemuan dengan Mohammad Bokhari, beliau berkata, wakil Jabatan Perhubungan Korporat Kuipsas beramah mesra dan memberikan taklimat mengenai peluang menyambungkan pengajian ke Kuipsas selepas tamat pengajian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).